

Tadbir urus Wakaf Air mesti telus penuhi keperluan sasaran

Tabung Wakaf Air Nasional (Wakaf Air) diperkenalkan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dengan Yayasan Wakaf Malaysia menjadi inisiatif terbaru bekalan air terawat.

Selaras 95 peratus liputan bekalan air terawat di negara ini, pendekatan berkenaan perlu perincian agar menepati kehendak rakyat.

Wakaf sudah lama wujud melalui pelbagai bentuk dan pendekatan seperti International Waqf Fund, iaitu organisasi kebajikan di United Kingdom (UK) yang turut memfokus penyediaan bekalan air terawat kepada masyarakat terpinggir. Masjid dan Universiti al-Azhar di Mesir juga institusi dihasilkan daripada wakaf.

Wakaf Air menggunakan dana awam bagi membiayai projek bekalan ke luar bandar melalui pinjaman atau geran.

Sebenarnya, ia bukan sesuatu yang baharu. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Raleigh International melaksanakan projek bekalan air kepada 45 komuniti di Sabah dan Sarawak sejak 2006. Sehingga kini, hampir 16,000 penduduk menerima manfaat.

Menariknya, hampir 1,000 sukarelawan turut membantu usaha Raleigh International di negara ini. Ia seharusnya menjadi contoh kepada Wakaf Air memandangkan pinjaman atau geran pasti memerlukan kos serta pemantauan bagi menjamin kelancaran projek.

Paling utama, Wakaf Air tidak harus menjadikan pengurangan kebergantungan kepada pembiayaan kerajaan sebagai tumpuan. Ini berdasarkan realiti had bawah RM50,000 bagi kerja peng-

galian perigi, sambungan penyelenggaraan dan pembelian alat ganti sukar dicapai bagi lokasi pedalaman.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) membelanjakan RM600 hingga RM700 juta setahun bagi pembinaan paip bekalan air dengan kerjasama Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Pada masa sama, KeTSA turut membangunkan projek Tenaga Boleh Baharu (TBB) berpotensi diselaraskan dengan Wakaf Air.

Demi mengelak pertindihan skop dengan KPLB dalam liputan bekalan air dan pembedaan luar bandar, kerjasama dengan syarikat air negeri amat diperlukan.

Selain itu, bekalan elektrik melalui sambungan grid, tenaga suria dan mikro hidro turut berpotensi ditawarkan.

Ini menunjukkan isu kekangan pe-

runtukan bagi membiayai infrastruktur air luar bandar tidak harus timbul memandangkan terdapat pelbagai agensi saling memberi input.

Jelas sekali cabaran utama adalah tiada mekanisme bagi menyelaras kepelbagaian input supaya tidak berlaku pertindihan keutamaan atau pembaziran sumber.

Kerajaan perlu memantau rapi demi menjayakan agenda ini seiring peranan Persekutuan dalam menyelia industri perkhidmatan air dan bidang kuasa kerajaan negeri menguruskan sumber, lembangan dan kawasan tadahan air. Wakaf Air harus mengisi ruang yang belum dicakupi kedua-duanya.

Tadbir urus dana telus dan sampai kepada sasaran harus menjadi keutamaan. Ini bersandarkan Laporan Ketua Audit Negara 2019 mengenai RM14.73 juta wang zakat bagi asnaf yang tidak digunakan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Wilayah (MAIWP) bagi tujuan sepatutnya atau mengikut keutamaan.

Wakaf Air perlu dialu-alukan walaupun sebenarnya inisiatif sama sudah dan dilaksanakan di lapangan. Maka, Wakaf Air harus mengelak persaingan dengan agensi dan sebaliknya saling melengkapi sesama NGO serta kumpulan sukarelawan di seluruh negara.

Melihat kepada skop Wakaf Air, iaitu pembiayaan infrastruktur bekalan kurang RM50,000, elok jika diwujudkan platform pengupayaan komuniti setempat dengan sukarelawan agar penduduk turut terbabit sama demi mewujudkan situasi menang-menang.

Perlu diingat, selain air minuman, sisa kumbahan menjadi cabaran pen-

duduk luar bandar, terutama daripada aspek sanitasi dan telaga dijadikan sebagai sumber air.

Inilah ruang perlu diisi Wakaf Air memandangkan terdapat lebih 870,000 tangki septik menggunakan sistem tradisional seperti palong dan tandas curah.

Situasi bertambah genting dengan 1,500 loji rawatan kumbahan milik Indah Water Konsortium (IWK) terletak di hulu muka sauk loji rawatan air (LRA) di seluruh negara.

Wakaf Air juga boleh disalurkan dalam usaha mengelak kemungkinan berlaku pencemaran oleh 1.35 juta tangki septik individu dan 870,000 tangki tandas tradisional yang tidak diselenggara dengan sempurna.

Kegagalan bermakna risiko tinggi pencemaran sisa kumbahan yang boleh menyebabkan air sungai dan air bawah tanah tercemar sehingga menyebabkan penyakit bawaan air seperti demam kepialu, taun dan Hepatitis A.

Sesuai hasrat agar manfaat sumbangan turut sama dinikmati golongan bukan beragama Islam, Wakaf Air harus meletakkan sasaran lebih besar seperti membeli kawasan tadahan air ataupun kawasan yang sering berlaku pencemaran sungai sebagai aset tetap dikenali Wakaf Tadahan Hujan. Ini bakal memudahkan Jabatan Alam Sekitar mencegah pencemaran.

Inilah semangat wakaf yang mudah-mudahan kekal selamanya untuk kebaikan rakyat Malaysia dan memberi pahala yang berterusan kepada yang menderma.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Jabatan Alam Sekitar, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM)



Dr Mohd Yusoff Ishak

Wakaf Air harus meletakkan sasaran lebih besar seperti membeli kawasan tadahan air ataupun kawasan yang sering berlaku pencemaran sungai sebagai aset tetap dikenali Wakaf Tadahan Hujan.